

12/05/2001

Pemimpin muda perlu dengar nasihat veteran

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin muda Umno perlu menerima nasihat dan mengambil iktibar daripada pengalaman anggota veteran parti bagi merapatkan barisan dan menyatupadukan bangsa Melayu supaya maruah bangsa tidak tergadai.

Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, berkata pengalaman golongan veteran, yang juga pengasas Umno pada tahun 1946, untuk mendapatkan kemerdekaan tanpa pertumpahan darah daripada British, harus dihormati.

"Malangnya, ramai pemimpin Umno peringkat cawangan dan bahagian sekarang tidak mempedulikan orang lama ini sehinggakan mereka terpinggir dan dianggap tidak relevan dalam perjuangan parti sekarang.

"Saya serta Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir juga boleh disifatkan sebagai veteran Umno dan masih mahu berjuang sehingga sekarang kerana cintakan satu-satunya parti yang mampu mengangkat martabat bangsa.

"Pemimpin muda harus sedar bahawa tanpa pengorbanan kami, di manalah Umno sekarang," katanya dalam ucapan alu-aluan majlis Pertemuan Presiden Umno Dengan Veteran sempena Hari Ulang Tahun ke-55 Umno di sini, hari ini.

Sulaiman berkata, sikap seumpama itu harus dikikis kerana memberi gambaran buruk kepada orang Melayu yang tidak menyertai mana-mana parti politik dan kesempatan itu sudah tentu digunakan parti pembangkang untuk mengelirukan mereka.

Tambahnya, kesanggupan Pas bekerjasama dengan DAP, tetapi enggan berbincang mengenai perpaduan Melayu dengan Umno membuktikan mereka (Pas) lebih mementingkan manfaat politik daripada masa depan bangsa.

"Perkembangan ini juga membuatkan beberapa pertubuhan bangsa lain seperti Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Masyarakat Cina (Suqiu) berani tampil mempersoalkan hak orang Melayu," katanya.

"Masyarakat perlu disedarkan bahawa kedudukan mereka berdasarkan Perlembagaan Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) mungkin tidak akan kekal jika kerajaan dikuasai pembangkang," katanya.

(END)